

05 DEC 1997

Laporan-Kediaman

LAPORAN PENGUBAHSUAIAN RM5 JUTA DISERAH PERDANA MENTERI HARI INI

SHAH ALAM, 5 Dis (Bernama) -- Laporan terperinci berhubung pengubahsuaian kediaman rasmi Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu hari ini.

Abu Hassan berkata laporan itu sedang dihalusi dan dilengkapkan oleh pengarah Jabatan Kerja Raya Selangor dan akan dihantar selewat-lewatnya malam ini.

"Itu tanggungjawab kami di pihak kerajaan negeri, apabila Perdana menteri atau timbalannya berkehendakkan laporan kami akan sediakan," katanya pada persidangan berita selepas menghadiri sidang Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Beliau berkata perkara itu sebenarnya sudah dimaklumkan kepada Perdana Menteri sebelum ini walaupun tanpa laporan terperinci dan Perdana Menteri tidak berkata apa-apa kerana sudah maklum bahawa kediaman itu sememangnya perlu diubahsuai.

Ditanya jika pengubahsuaian akan diteruskan sekiranya ia dicadangkan ketika keadaan ekonomi negara merosot seperti sekarang, beliau berkata sama seperti rumah kerajaan yang lain sekiranya beliau dikehendaki berpindah, beliau berkehendakkan rumah yang sesuai dan selesa.

Beliau berkata kos untuk melaksanakan projek "turnkey" sememangnya tinggi dan beberapa bahan yang digunakan untuk membina kediaman itu sudah terlalu lama dan perlu diganti.

"Selepas 24 tahun saya ingat keretapun sudah tidak ada lagi. Kalau jubin pecah sana-sini, ia perlu diganti keseluruhan binaannya, kalau tidak nanti material tidak sama, warna tidak sama.

Abu Hassan juga menafikan yang banyak bahan diimport dan berkata mengikut apa yang dilaporkan oleh Jabatan kerja Raya kira-kira 10 peratus dahaja bahan yang diimport untuk pengubahsuaian itu dan semuanya tidak dapat diperolehi di pasaran tempatan.

"Keputusan (pengubahsuaian) dibuat bukan tergesa-gesa tetapi ia dibuat sebelum kempen jimat-cermat dan kita telah teruskan apa yang kita putuskan lebih awal lagi," katanya.

Abu Hassan berkata kos sebenar pengubahsuaian itu belum dapat ditentukan kerana ia merupakan projek turnkey, tetapi menganggarkan bahawa hanya RM2 juta sahaja yang dibelanjakan bagi kediaman rasmi itu.

Menurutnya kos selebihnya adalah untuk belanja pembinaan bangunan rumah kediaman tiga keluarga pekerja di situ serta belanja pembangunan kawasan sekeliling.

"Rumah pekerja dahulu tidak sempurna, ini kita bina rumah pekerja yang lebih selesa, bermakna belanja RM5 juta itu bukan untuk kediaman Menteri Besar sahaja," katanya.

Beliau berkata usul pembangkang untuk mewujudkan satu jawatankuasa penyiasat tidak perlu kerana semua anggota Dewan telah menyatakan sokongan mereka terhadap keputusan kerajaan negeri berhubung pengubahsuaian itu.

Menurutnya isu berhubung pengubahsuaian itu sebenarnya sengaja ditimbulkan oleh pihak pembangkang dengan motif politik.

Sementara itu, ketika membuat ucapan menutup sidang Dewan Undangan Negeri pada sebelah petangnya, Abu Hassan mengucapkan terima kasih kepada semua anggota Dewan yang telah memberikan sokongan kepadanya berhubung isu pengubahsuaian itu.

Beliau berkata mesyuarat kerajaan negeri akan membincangkan cadangan supaya tarikh ucapan perasmian Dewan Undangan Negeri serta sidang Belanjawan negeri diasingkan dan jika dipersetujui ia akan dilaksanakan tahun depan.

Sementara itu, anggota DAP Teng Chang Khim (Bukit Gasing) meminta kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyiasat perkara itu dan keputusan berhubung isu berkenaan harus dihebahkan kepada umum.

"Ini kerana ia membabitkan kepentingan umum dan ini bukannya soal peribadi," katanya ketika membahaskan usul belanjawan pembangunan Selangor pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini.

Teng berkata sekiranya terdapat sebarang kesilapan dalam keputusan kerajaan berhubung perkara itu, mereka harus mengambil iktibar daripadanya supaya ia tidak berulang.

"Saya berharap kerajaan memandang serius berhubung dengan perkara ini kerana ia membabitkan kepentingan awam," katanya. -- BERNAMA

AZH FAZ